

<b>Headline</b>	<b>UTP membangunkan masyarakat setempat</b>		
<b>MediaTitle</b>	Minguan Malaysia	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Date</b>	19 Oct 2014	<b>Circulation</b>	366,469
<b>Section</b>	Dlm Negeri	<b>Readership</b>	1,099,407
<b>Page No</b>	14	<b>ArticleSize</b>	712 cm <sup>2</sup>
<b>Language</b>	Malay	<b>AdValue</b>	PHP 16,096
<b>Journalist</b>	Norila Daud	<b>PR Value</b>	PHP 157,248
<b>Frequency</b>	Daily		



# UTP membangunkan masyarakat setempat

Oleh NORILA DAUD

**SELEPAS** berjaya melaksanakan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) secara percubaan di Kampung Aji, Bota, Perak sejak setahun lalu, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) akan melancarkan projek itu secara rasmi pada bulan Disember ini.

Naib Canselor, Datuk Ir. (Dr) Abdul Rahim Hashim berkata, Kampung Aji yang mempunyai penduduk seramai 600 orang, telah dikenal pasti sebagai kawasan yang memerlukan bantuan dan sokongan pihak luar untuk meningkatkan sumber pendapatan mereka.

Katanya, penduduk-penduduk berkenaan adalah terdiri daripada ibu tunggal, usahawan persendirian, belia, petani dan warga tua, "Kami mengenal pasti program-program yang sesuai untuk dilaksanakan bertujuan meningkatkan pendapatan mereka,

"Peranan UTP ialah mencari pihak yang boleh membantu golongan tersebut, sebagai contoh, ibu tunggal telah diberi mesin jahit oleh syarikat-syarikat swasta manakala Giatmara memberi kemahiran menjahit kepada mereka," jelas beliau.

Kata beliau, bagi golongan belia pula UTP mencari agensi-agensi yang relevan untuk mengajar mereka tentang kemahiran membaiki kereta, motosikal dan basikal.

Sementara itu, golongan warga tua pula dibantu mendapat rawatan perubatan mereka secara berjadual di Hospital Selayang, Selangor.

Abdul Rahim berkata, UTP telah mengkaji semula pendekatan CSR dengan menekankan kepada mencapai perubahan yang berkekalan untuk jangka masa panjang.

Projek percubaan yang dimulakan pada tahun lalu, melibatkan pembinaan kilang sos cili telah mencatat kejayaan awal apabila produknya dapat dipasarkan di sebuah pasar raya besar.

"Sejak awal lagi kami menyedari bahawa aktiviti yang kami jalankan memberi kesan positif di samping memanfaatkan masyarakat secara menyeluruh," kata beliau.

Sementara itu, UTP turut menderma lebih 200 buah basikal

kepada para pelajar yang berpendapatan rendah dari 17 buah sekolah terpilih, sebuah rumah anak yatim dan pelajar-pelajar di Kampung Aji.

Basikal itu yang ditaja oleh kakitangan UTP dan juga PETRONAS pada harga RM300 sebuah, disampaikan sempena acara *Convoride 2014*. *Convoride 2014* merupakan program berbasikal sejauh 100 kilometer yang diadakan sempena majlis konvokesyen UTP. Acara tahun ini menyaksikan penglibatan lebih 500 peserta berbasikal dari pelbagai negeri di Malaysia

Jumlah basikal yang didermakan pada tahun ini adalah yang tertinggi semenjak *Convoride* ini dianjurkan pada tahun 2012 di mana sejumlah 20 buah basikal didermakan pada tahun 2012, manakala pada tahun 2013, 25 buah basikal didermakan.

UTP juga menerima sumbangan dan penajaan sebanyak RM65,000 bagi merealisasikan *Convoride 2014* di mana 40 peratus daripada sumbangan ini akan disalurkan kepada tabung pembiayaan pelajar di bawah Yayasan UTP. Sumbangan yang disalurkan ini akan digunakan untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar UTP yang memerlukan bantuan.

Sementara itu, menurut Pendaftar dan Pengurus Ahli Jawatankuasa Konvokesyen UTP ke-14 Solihuddin Ahmad Nasarudin, program khidmat masyarakat ini dijalankan selaras dengan inisiatif UTP untuk memberi sokongan kepada masyarakat di sekitarnya di dalam tiga bidang iaitu kebajikan, pendidikan dan sosio ekonomi dan persekitaran.

Menurut Abdul Rahim, dalam melaksanakan CSR, pihaknya menumpukan kepada tiga bidang iaitu pendidikan, sosio-ekonomi dan persekitaran.

Katanya lagi, pelan tindakan hala tuju CSR UTP menggunakan tiga strategi iaitu membina kemampuan, kemajuan ekonomi dan infrastruktur bagi mencapai aspirasi yang diharapkan menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, UTP mempunyai kelebihan daripada aspek pelajar, kakitangan dan akses kepada sumber-sumber dan kesemua ini perlu digerakkan untuk memberi

kebaikan kepada masyarakat khususnya dalam bidang pendidikan.

Abdul Rahim juga berkata, alumni universiti juga boleh membantu melaksanakan projek-projek CSR dengan pelbagai cara.

"Dengan 10,000 graduan dilahirkan sejak universiti itu ditubuhkan pada tahun 1997, kumpulan alumni itu boleh menjadi agen perubahan dan tenaga mereka perlu digunakan sepenuhnya," ujar beliau.

Abdul Rahim berkata, antara usaha yang dilaksanakan ialah

memperbaiki prestasi akademik pelajar di sekolah-sekolah persekitaran dan mempromosi minat terhadap subjek sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau subjek STEM dalam kalangan murid-murid sekolah.

UTP, kata beliau juga menekankan terhadap pembinaan ke arah memperkasakan, akses kepada maklumat, meningkatkan tahap kesihatan dan kebajikan anggota masyarakat tempatan serta mengadakan ruang untuk pertumbuhan menerusi kemampuan UTP dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Usaha-usaha yang dilakukan adalah untuk mengubah minda komuniti daripada menjadi penerima sumbangan kepada peserta aktif menjana pendapatan.

"Kami berharap lebih banyak sektor perniagaan dan korporat akan turut serta (CSR UTP). Sekiranya kita melakukannya dengan baik, siapa tahu kerajaan negeri boleh mengambil model yang sama untuk membantu kawasan lain di negeri ini," kata Abdul Rahim.

Beliau juga berkata, dalam aspek alam sekitar, UTP menyedari peranan CSR yang perlu dimainkannya apabila terdapat tiga spesies pokok (Resak Padi, Meranti Daun Besar dan Kepong Hantu) sebagai *endemic* sementara pokok Karas adalah pokok yang dilindungi daripada ancaman kepupusan di dalam dan sekitar kawasan kampus universitinya.

Abdul Rahim berkata, pihaknya telah mendapatkan kerjasama daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk

<b>Headline</b>	<b>UTP membangunkan masyarakat setempat</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Minguan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Oct 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Circulation</b>	<b>366,469</b>
<b>Page No</b>	<b>14</b>	<b>Readership</b>	<b>1,099,407</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>712 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Norila Daud</b>	<b>AdValue</b>	<b>PHP 16,096</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>PHP 157,248</b>

menggalakkan pengurusan hutan secara mapan supaya pokok-pokok berkenaan tidak pupus apabila kawasan universiti itu terus dimajukan.

UTP juga turut menganjurkan program-program khidmat masyarakat yang lain untuk terus berhubung dengan masyarakat sekitarnya. Antara inisiatif yang dilakukan adalah melalui program ‘Menggapai Impian’. Projek ini diadakan dengan matlamat untuk

menaja keperluan asas sekolah kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan.

Majlis Berbuka Puasa UTP yang dijalankan setiap tahun mengambil kira aspek pembangunan serta penajaan komuniti di mana sumbangan diberikan kepada yang memerlukan selain daripada menjemput mereka untuk berbuka puasa bersama-sama. Projek pembangunan masyarakat juga dijalankan di Kampung Aji, Bota

untuk membantu penduduk kampung daripada aspek pertumbuhan sosioekonomi serta pendidikan

Aktiviti CSR yang dilaksanakan UTP bukan semata-mata untuk memenuhi kalender program kebajikannya sepanjang tahun malah menjurus kepada program untuk memajukan masyarakat di sekelilingnya secara serius dan bertanggungjawab.



KAKITANGAN UTP dan PETRONAS baru-baru ini menderma 200 buah basikal untuk kegunaan pelajar sekolah dari keluarga berpendapatan rendah melibatkan 17 buah sekolah terpilih, sebuah rumah anak yatim dan pelajar-pelajar di Kampung Aji.



KERJASAMA UTP dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menggalakkan pengurusan hutan secara mapan supaya pokok-pokok terpelihara tidak pupus.